

LIGHTING FIXTURES KELENGKAPAN LAMPU

Ekoran bajet yang terbatas menyusuli kemelesetan besar Great Depression, bahagian muka luar bangunan lama Mahkamah Agung diberi keutamaan berbanding dengan ruang dalamnya. Namun begitu, lampu-lampu gantung gaya Art Deco dan lampu-lampu lain begitu ketara halus buatannya. Lebih 30 reka bentuk lampu dihasilkan untuk menerangi pelbagai ruang seperti bilik mahkamah, dewan utama, pejabat dan muka luar bangunan.

THE TYMPANUM TIMPANUM

Walaupun Frank Dorrington Ward merupakan arkitek bangunan lama Mahkamah Agung, bahagian timpanum direka oleh pengukir Milan, Rudolfo Nolli, dan modelnya oleh Augusto Martelli. Timpanum ini merupakan kiasan tentang keadilan, mencerminkan prinsip undang-undang bahawa “semua orang sama rata di sisi undang-undang”. Dengan ketinggian 2.7 meter dan berat empat tonne, figura utamanya adalah penjelmaan Keadilan: dia memegang pedang dua mata di tangan kiri mewakili kuasa taakul dan kebenaran; dan menatang sebuah timbang di tangan kanan melambangkan pertimbangan objektif dan saksama.

FURNITURE DESIGN REKAAN PERABOT

William Henry Swaffield mereka bentuk perabot di Mahkamah Agung lama. Pereka perabot British itu dipindahkan ke Malaya pada 1929 dan kemudian bekerja di Jabatan Kerja Raya.

VENTILATION SYSTEM SYSTEM PENGUDARAAN

Sistem pengudaraan yang inovatif di bangunan lama Mahkamah Agung mendapat banyak perhatian. Sistem Solo-Air itu direka oleh E.H. Hindmarsh untuk mengurangkan kelembapan dalam bangunan dengan menyedut dan menapis udara dari luar. Setiap bilik mahkamah dilengkapi dua peniup udara yang mampu menyegarkan udara sepenuhnya setiap empat setengah minit. Beberapa peniup udara dipasang dengan pintarnya pada perabot bilik mahkamah oleh William Henry Swaffield, demi menyediakan aliran udara khusus untuk hakim dan anggota juri.

Malangnya, seawal 1940 sudah ada aduan mengenai keberkesanannya dan akhirnya sistem itu digantikan dengan sistem hawa dingin yang baharu.

FRIEZES OF FORMER SUPREME COURT PANEL UKIRAN MAHKAMAH AGUNG LAMA


Lima panel ukiran timbul menghiasi beranda bangunan lama Mahkamah Agung ini. Direka oleh George Thomas Squires dan diukir oleh Alex Wagstaff, setiap panel menggambarkan kehidupan dan pekerjaan di Singapura zaman kolonial, dengan pelbagai adegan pembinaan, industri getah, menangkap ikan, perdagangan dan — di kedudukan utama — upacara menandatangani perjanjian untuk membuka petempatan British di pulau ini pada 1819. Berbeza dengan ukiran timpanum gaya klasik yang gah, panel ukiran ini menawarkan gambaran dekat tentang kehidupan seharian pada masa itu.

ARCHAEOLOGY ON-SITE TAPAK ARKEOLOGI

Perubahan Dewan Bandaraya dan Mahkamah Agung lama menjadi Galeri Nasional Singapura membuka peluang bagi penyelidikan arkeologi sebelum pembinaan bermula. Pada bulan Disember 2009 dan November 2010, sepasukan ahli arkeologi menjalankan penggalian di bekas tempat letak kereta antara dua bangunan itu (sekarang Atrium Padang, Galeri Nasional Singapura).


Meskipun pembangunan Singapura begitu pesat sejak dua abad yang lalu, masih ada peninggalan purba dan zaman yang belum lama dahulu tertanam di bawah kemodenan bandar raya ini. Sisa-sisa Grand Hotel de l'Europe (yang tegak di sini sebelum dirobuhkan untuk pembinaan Mahkamah Agung lama), laluan sistem pembetung perbandaran, dan seramik China dari zaman Dinasti Yuan telah ditemui hanya satu meter di bawah tanah.

Sejumlah 375 kilogram artifak telah dibongkar, termasuk objek dari zaman pelabuhan purba Temasek (sekitar 1300-an hingga 1600-an), zaman penjajahan (1819–1959) dan Perang Dunia II (1939–1945). Sebahagian penemuan tersebut ada dipamerkan di sini. Bahan-bahan sejarah ini memaparkan kisah zaman silam yang hampir dilupakan, pandangan sepintas lalu tentang kehidupan pelbagai orang yang pernah menduduki ruang yang sama di pulau ini merentasi zaman yang jauh berbeza.



ARCHIGALLERY

MENDENGAR SENI BINA: SEJARAH DAN TRANSFORMASI GALERI



THE GALLERY'S HISTORIES AND TRANSFORMATIONS SEJARAH DAN TRANSFORMASI GALERI

Bangunan Dewan Bandaraya dan bangunan lama Mahkamah Agung terletak di tengah-tengah Daerah Sivik Singapura. Kedua-duanya menjadi pentas bagi pelbagai peristiwa bersejarah sejak bertahun lamanya, dan sangat berkait rapat dengan cara sejarah Singapura dibayangkan dan diingati.

Dua bangunan neoklasik ini, yang siap dibina pada 1929 dan 1939, pernah mencerminkan kuasa pemerintah kolonial British. Di sinilah ehwal perbandaran diuruskan dan undang-undang ditadbirkan. Antara banyak peristiwa bersejarah yang berlaku di sini ialah majlis penyerahan kalah Jepun pada 1945, upacara pelantikan Yusof bin Ishak sebagai Yang di-Pertuan Negara pada 1959, pengumuman percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1963 dan Pengisytiharan Kemerdekaan Singapura pada 1965.

Sebagai mengiktiraf kepentingan seni bina dan sejarahnya, kedua-dua bangunan ini diwartakan sebagai Monumen Negara pada 14 Februari 1992. Sejak itu, bangunan-bangunan ini telah disatukan dan diubah menjadi Galeri Nasional Singapura yang menyelia koleksi seni moden awam terbesar di Singapura dan Asia Tenggara.

Pameran ini mengajak kita melihat seni bina sebagai perbualan antara generasi dari masa ke masa. ArchiGallery 1 meneroka sejarah panjang tapak dan pelan seni bina kedua-dua bangunan; ArchiGallery 2 pula tertumpu pada pembentukan Galeri Nasional Singapura; dan laluan jalan kaki antara galeri memaparkan garis masa peristiwa bersejarah kedua-dua bangunan. Garis masa ini diiringi pula oleh *Resident Frequencies*, karya seni bunyi Zai Tang yang menyambut kenangan sejarah, sosial dan ruang yang mengisi kedua-dua bangunan.

A page from John Crawford's *Journal of an Embassy from the Governor-General of India to the Courts of Siam and Cochin China (1828)*

Halaman jurnal John Crawford, *Journal of an Embassy from the Governor-General of India to the Courts of Siam and Cochin China (1828)* (Jurnal seorang Utusan Gabenor Jeneral India ke Istana Diraja Siam dan Cochin China (1828))

Dua pelan di sini memaparkan sejarah perancangan bandar di Singapura, dan bagaimana tanah utama sepanjang pantai selatan telah dirancang sejak tahun 1800-an. Peta di atas, dibuat oleh Kapten James Franklin dan Leftenan Philip Jackson, dianggap peta pertama yang menunjukkan garis bentuk Singapura yang tepat. Imej di bawah pula merupakan pelan bandar oleh Jackson. Pelan yang ditugaskan oleh Sir Stamford Raffles lewat 1822 ini dipercayai antara pelan paling awal tanah jajahan Singapura.

Dalam pelan bandar ini, tanah dibahagi-bahagikan mengikut susun atur grid. Setiap kaum diperuntukkan kawasan sendiri, sementara kawasan utama di tengah dikhaskan untuk pihak berkuasa penjajah. Meskipun tidak pernah terlaksana sepenuhnya, kedudukan utama yang diberikan kepada pemerintah kolonial terserlah dalam pelan ini. Hari ini, tanah ini membentuk Daerah Sivik yang merangkumi Galeri Nasional Singapura sekarang.

HISTORIES OF THE SITE

SEJARAH TAPAK BANGUNAN INI

Antara 1300-an dengan 1600-an, tapak bangunan Dewan Bandaraya dan Mahkamah Agung lama terletak dalam lingkungan kawasan teras Temasek, pelabuhan purba yang wujud sebelum Singapura moden. Apabila British menjajah Singapura pada 1819, Leftenan Kolonel William Farquhar, Residen British pertama dan Komandan Tentera Singapura, membina Kediaman Residen di tapak Mahkamah Agung lama.

Kediaman Residen itu menghadap ke Padang, dataran awam yang dimaksudkan untuk peneroka British dan penduduk tempatan berinteraksi. Farquhar mengizinkan masyarakat peneroka dan pedagang Eropah untuk menempati dan membangunkan tanah sekitar Padang bagi kegunaan perseorangan. Tiga buah rumah banglo milik persendirian yang direka oleh arkitek kolonial pertama Singapura, George Dromgold Coleman, dibina di kawasan Kediaman Residen itu. Ini bercanggah dengan arahan Sir Stamford Raffles untuk mengkhususkan tanah tersebut dan kawasan sekelilingnya buat kegunaan awam. Raffles tidak berpuas hati dengan cara Singapura dibangunkan, lalu mengarahkan pelan bandar yang baharu pada lewat 1822. Di bawah penyeliaan Residen kedua Singapura, John Crawford, banglo-banglo tersebut diubah menjadi hotel dan rumah sewa sehingga pemerintah mengambil semula tanah itu untuk kegunaannya.

CITY HALL

EDIFICE OF COLONIAL AUTHORITY: CITY HALL
MERCU TANDA PENGUASA KOLONIAL: DEWAN BANDARAYA

Tahun-tahun 1920-an menyaksikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pesat di Singapura, dengan perdagangan getah dan bijeh timah selepas perang mencapai kemuncaknya yang baru. Sedang penduduk Singapura bertambah, fungsi pentadbiran perbandaran diperluaskan untuk memenuhi keperluan prasarana yang semakin meningkat. Pada 1920, tapak di hadapan Padang telah dibeli untuk membina Dewan Bandaraya (dikenali sebagai Bangunan Perbandaran sehingga Singapura diberi status bandar pada 1951). Kerja-kerja binaan bermula pada 1926 dan bangunan itu siap dibina pada 1929.

Lebih daripada setakat pusat pentadbiran, Dewan Bandaraya dianggap sebagai symbol pemerintah kolonial sendiri. Arkitek Perbandaran, Alexander Gordon, telah mereka muka utama bangunan itu menurut gaya neoklasik untuk menggambarkan kuasa dan martabat Empayar British. Berasal dari seni bina zaman klasik, mercu tanda bangunan itu ialah simetri, keseimbangan yang harmoni dan skala yang mengagumkan.

Dewan Bandaraya seterusnya menempatkan pejabat-pejabat Majlis Perbandaran Singapura dari 1951 hingga 1959. Apabila Singapura mencapai taraf pemerintahan sendiri pada 1959, beberapa badan pemerintah termasuk Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Ehwal Luar, Kementerian Kebudayaan dan Lembaga Perbekalan awam menempati bangunan tersebut sehingga 1970-an; Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kekal di situ sehingga tahun 1991.

DESIGN, SYMBOLISM AND MATERIALS: CITY HALL
REKA BENTUK, SIMBOLISME DAN BAHAN: DEWAN BANDARAYA

Walaupun bangunan Dewan Bandaraya dan Mahkamah Agung lama direka dalam gaya neoklasik, perancangan dan pembinaannya berpandukan pragmatisme dan pertimbangan kos. Misalnya, muka luar bangunan dan ruang-ruang dalam yang utama menjadi tumpuan bangunan Dewan Bandaraya. Bahagian muka dihiasi tiang-tiang Corinthian dan menampilkan panel ukiran timbul yang artistik. Di bahagian dalam, Kamar Dewan Bandaraya, Ruang Legar Dewan Bandaraya dan tangga tengah dilengkapi siling tinggi, dimensi yang luas dan kemasan yang halus.

Ruang-ruang yang kurang kelihatan umumnya dibina dengan kaedah dan bahan yang sesuai untuk menangani isu fungsi seperti bunyi bising, penyenggaraan dan ketahanan. Misalnya, pelan tapak diubahsuai daripada bentuk “H” menjadi “8” bagi mewujudkan dua halaman dalam separuh tertutup yang menyalurkan pengudaraan dan pencahayaan yang baik untuk pejabat-pejabat pentadbiran di sekelilingnya.

THE CORINTHIAN COLONNADE

Ciri seni bina paling menonjol di bangunan Dewan Bandaraya ialah deretan 18 tiang gaya Corinthian di muka bangunan dan tangga besar yang membawa kepada pintu masuk utama lebih empat meter di atas tanah. Tiang-tiang Corinthian itu direka oleh Rudolfo Nolli, pengarca Italy yang karya-karya awamnya menghiasi banyak bangunan penting di Singapura, termasuk bangunan lama Mahkamah Agung.

CITY HALL CHAMBER

KAMAR DEWAN BANDARAYA

Ciri utama Dewan Bandaraya ialah Bilik Lembaga yang terletak di aras tiga, kini dikenali sebagai Kamar Dewan Bandaraya. Dewan besar dan gah ini, dengan kelengkapan mewah seperti lantai marmar dan kayu jati, dimaksudkan sebagai dewan sivik agung untuk mesyuarat dan majlis rasmi. Tiang-tiang Corinthian daripada batu marmar Sienna membarisi dewan ini, sementara lantai yang asal dikemas dengan panel kayu jati, supaya sesuai untuk majlis tarian ballroom.

CONSTRUCTION METHODS

KAEDAH BINAAN

Dewan Bandaraya dibina dengan konkrit tetulang yang kuat lagi fleksibel. Bangunan ini juga dibina dalam lima bahagian berasingan, kaedah yang inovatif di Singapura pada masa itu. Dengan kaedah ini, setiap bahagian beranjak secara tersendiri, lantas mengurangkan keretakan akibat turun naik suhu dan pemandapan tidak sama rata yang terjadi pada bangunan besar.

THE BUILDING’S EMBELLISHMENTS

HIASAN BANGUNAN

Empat panel ukiran timbul menghiasi bahagian sisi bangunan Dewan Bandaraya. Panel ukiran Rudolfo Nolli ini memaparkan sepasang kerubin atau kanak-kanak bersayap yang memegang skrol menunjukkan pohon kelapa dan seekor singa — lambang British bagi tanah Malaya yang “eksotik”. Lambang ini selanjutnya digunakan oleh Suruhanjaya Perbandaran Singapura. Singa, yang biasa menjadi lambang Inggeris bagi keberanian dan kebangsawanan, juga dapat ditemui pada pengetuk gangsa di pintu-pintu utama bangunan ini, selain di sepanjang cucur atapnya.

SHANGHAI PLASTER

PLASTER SHANGHAI

Plaster Shanghai digunakan untuk muka bangunan Dewan Bandaraya. Bahan lepa ini sering disangka granit, tetapi sebenarnya campuran simen, batu hancur, pasir dan air. Apabila dilepa pada permukaan atas struktur, kemasan ini lebih menjimatkan daripada batu semula jadi dan digunakan secara meluas. Nama “plaster Shanghai” merujuk kepada tukang batu Shanghai mahir yang melarikan diri dari Perang China-Jepun lalu tiba di Singapura untuk mencari nafkah.

FORMER SUPREME COURT

MONUMENT TO THE CITY'S CIVIC PRIDE: FORMER SUPREME COURT
MONUMEN KEBANGGAAN CIVIK: MAHKAMAH AGUNG LAMA

Bangunan mahkamah pertama Singapura terletak di Maxwell House (kini The Arts House). Pada 1934, bumbung Maxwell House runtuh selepas hujan lebat, menyebabkan mahkamah perlu mencari bangunan baharu yang lebih besar. Pada 1935, pemerintah memperolehi tanah untuk bangunan baharu tersebut. Mahkamah Agung hasil rekaan Frank Dorrington Ward, yang ketika itu Ketua Arkitek Jabatan Kerja Raya, siap dibina pada 1939. Ketinggiannya khusus direka supaya sepadan dengan ketinggian Dewan Bandaraya yang siap sedekad lebih awal.

Mahkamah Agung lama

Kedua-dua bangunan ini termasuk dalam keseluruhan pelan Daerah Sivik bagi mewujudkan perwajahan neoklasik sepanjang Padang. Pelan itu juga meliputi bangunan lain yang tidak pernah dibina: sebuah bangunan perbendaharaan di sebelah Mahkamah Agung dan sebuah plaza taman untuk menggantikan Panggung dan Dewan Peringatan Victoria.

Mahkamah Agung lama

Seperti Dewan Bandaraya, Mahkamah Agung lama juga dianggap lambang penting martabat British. Bahagian luar bangunan mencontohi bangunan mahkamah Old Bailey di London yang dibina pada 1673 dan dianggap ramai sebagai karya agung neoklasik zaman itu. Seperti Old Bailey, Mahkamah Agung lama dikagumi kerana seni binanya yang secara harmoni menyatukan pelbagai unsur seni bina klasik, termasuk tiang gaya Corinthian dan Ionic, ukiran timpanum, panel hiasan dinding, dan kubah gangsa yang menjulang tinggi.

DESIGNING THE FORMER SUPREME COURT
MEREKA BENTUK BEKAS BANGUNAN MAHKAMAH AGUNG

Mahkamah Agung lama merupakan monumen neoklasik yang terakhir dibina dalam zaman kolonial Singapura. Dibina dengan kos 1.75 juta Dolar Negeri Selat dan direka oleh Frank Dorrington Ward, bangunan ini disifatkan oleh akhbar The Straits Times sebagai bangunan terbaik Tanah Melayu. Walaupun dimaksudkan untuk mempamerkan pembinaan dan reka bentuk kontemporari yang terbaik, bangunan ini juga sebaliknya tidak terlalu menonjolkan kemegahan, memandangkan kemelesetan besar Great Depression baru sahaja berlalu.

Mahkamah Agung lama

Ciri-ciri luaran utama bangunan ini termasuk kubah tembaga utama, panel hiasan dinding di beranda direka oleh George Thomas Squires, serta timpanum dan tiang-tiang Ionic dan Corinthian direka oleh pengukir Italy, Rudolfo Nolli. Bahagian dalamnya pula dilengkapi perabot kayu jati bersalut kulit yang direka oleh William Henry Swaffield, kelengkapan mewah bagi bangunan pemerintah pada masa itu. Bangunan ini juga menampilkan inovasi teknologi seperti sistem pengudaraan Solo-Air ciptaan orang Singapura, E.H. Hindmarsh, yang menyalurkan dan menapis udara dari luar untuk kegunaan empat bilik mahkamah dan Perpustakaan Undang-Undang .

BUILDING THE DOMES

MEMBINA KUBAH

Frank Dorrington Ward mereka kubah tembaga utama bangunan lama Mahkamah Agung untuk mencontohi kehebatan gereja St Paul di London. Kubah setinggi 180 kaki di atas permukaan tanah itu merupakan pemandangan paling menonjol di latar langit Singapura pada 1939. Kaji ukur khas telah dijalankan untuk menentukan sama ada sinar lampu Rumah Api Fort Canning terlindung olehnya. Bahagian dalam kubah tidak dibuka kepada umum dan rangka keluli penahan dibiarkan terdedah sepenuhnya. Satu-satunya cara untuk masuk ke dalam kubah ialah melalui tangga bulatan yang sempit.

COLUMNS AND PILASTERS

Tiang-tiang luar dan dalam serta pilaster (tiang segi empat bujur) bangunan lama Mahkamah Agung diilhamkan oleh dua gaya seni bina klasik: Corinthian dan Ionic.

INTERIOR SPACES

RUANG DALAMAN

Banyak kelengkapan, seperti susur tangan dan lampu, direka dengan gaya Art Deco. Bentuk-bentuk geometri menonjol yang mencirikan gaya ini paling jelas kelihatan pada lantai hitam putih di dewan masuk dan koridor luar bilik-bilik mahkamah.